

## Latihan Rumusan

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Industri inap desa mempunyai potensi yang tidak kurang pentingnya kepada pembangunan negara disebabkan peranannya dalam meningkatkan industri pelancongan di Malaysia. Tidak hairanlah sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan negara. Sebenarnya, terdapat beberapa potensi industri inap desa dan cabaran-cabaran yang dihadapinya.

Salah satu kepentingan industri inap desa ialah mampu membantu meningkatkan ekonomi negara. Apabila inap desa ditubuhkan dengan giat, maka keuntungan yang diperolehi daripada sektor ini akan menyumbang kepada pendapatan negara. Hal ini akan membantu negara memperoleh keuntungan yang berlipat kali ganda serta dapat memajukan negara.

Di samping itu, industri inap desa dapat memperkenalkan sektor pelancongan Malaysia di mata dunia. Pelancong yang menginap di inap desa dapat melakukan pelbagai aktiviti terancang yang disediakan oleh pihak inap desa. Hal ini dapat memperkenalkan pelbagai budaya Malaysia yang terdapat di kawasan inap desa tersebut.

Selain itu, industri inap desa juga mempunyai potensi dalam memajukan industri kecil dan sederhana (IKS) di desa. Penubuhan industri inap desa di kawasan luar bandar mampu menarik minat ramai pelancong ke kawasan tersebut. Hal ini akan

menyebabkan penduduk setempat memperoleh pendapatan yang lumayan berikutan kehendak pelancong untuk menyewa inap desa. Oleh itu, para pelancong yang ingin melawat ke kawasan pedalaman tidak perlu bimbang tentang tempat penginapan kerana terdapat inap desa.

Seterusnya, potensi inap desa juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan. Apabila industri inap desa dibina di kawasan luar bandar maka terdapat banyak peluang pekerjaan yang tersedia. Hal ini akan membantu penduduk setempat untuk bekerja di inap desa. Contohnya, bekerja sebagai tukang cuci, tukang kebun, pengawal keselamatan dan sebagainya. Industri inap desa ini walaupun tidak membuka peluang pekerjaan yang banyak namun mampu membantu golongan penganggur bagi mencari sumber rezeki.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri inap desa ialah masalah kekurangan modal. Pengusaha inap desa sering berhadapan dengan masalah mendapatkan modal untuk kos pengurusan dan membayar gaji pekerja. Hal ini dikatakan demikian kerana pengusaha industri inap desa sukar mendapatkan pinjaman daripada bank berikutan faktor ekonomi mereka yang kurang kukuh. Situasi ini akan menyebabkan perkembangan inap desa agak perlahan dan terbatas.

Selanjutnya, kedudukan inap desa yang jauh dari bandar menyukarkan para pelancong untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan yang lain. Misalnya, perkhidmatan bank, liputan talian dan pasar raya. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu berganding bahu dalam memajukan industri inap desa agar terus berkembang dan menjadi salah

satu sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara kita.

Di samping itu, \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**Ruang Jawaban**

Rumusan/Petikan membincangkan

Cabaran yang dihadapi inap desa ialah

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Berikutnya, \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Salah satu potensinya ialah

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Selain itu, \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Selanjutnya, \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Kesimpulannya, \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Blog saya :

<http://hairiebtutor.wordpress.com/>

Selamat Maju Jaya